

From: CEDI
Sent: Rabu, 3 Mei 2017 11:27 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SISWAPRENEUR@TECH2BIZ MELAHIRKAN USAHAWAN IT & MULTIMEDIA



Institut Pembangunan
Keusahawanan dan Koperasi
CO-OPERATIVE AND ENTREPRENEURSHIP
DEVELOPMENT INSTITUTE
Universiti Utara Malaysia

03 MEI 2017 / 06 SYAABAN 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr/Tuan/Puan

SISWAPRENEUR@TECH2BIZ MELAHIRKAN USAHAWAN IT & MULTIMEDIA



CEDI ONLINE: Ekonomi digital dan ICT ini kian hari memainkan peranan yang penting kepada ekonomi dunia. Syarikat gergasi dunia telahpun memfokuskan kepada arena teknologi dan digital. Kerajaan juga mensasarkan sumbangan ekonomi daripada bidang ini sebanyak 20% daripada keluaran dalam negara kasar menjelang tahun 2020.

Pada 27 hingga 29 April 2017 yang lalu, bertempat di Copthorne Orchid Hotel, Pulau Pinang, Institusi Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) telah mengadakan Bengkel Motivasi Asas Keusahawanan dan Perniagaan Siswapreneur@Tech2Biz. Program ini dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan penglibatan seramai 40 orang pelajar UUM.

Program ini turut melibatkan kerjasama daripada tenaga pengajar dari Universiti Utara Malaysia (UUM) yang berkonsepkan *Mentor-Mentee* bagi melahirkan usahawan siswa dalam bidang teknologi maklumat dan multimedia.

Objektif Siswapreneur@Tech2Biz adalah memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar tentang peluang menjadi usahawan dalam bidang teknologi maklumat dan multimedia. Malahan, pelajar dapat mengaplikasikan ilmu yang di pelajari dalam realiti dunia perniagaan.

Program Siswapreneur@TECH2BIZ ini akan berlangsung sehingga Oktober 2017 melibatkan beberapa fasa pembelajaran dan penghasilan produk berasaskan teknologi maklumat dan multimedia.

Tamat

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH
TEL : 604 - 928 4871
FAKS : 604 - 928 4909
EMAIL : cedi@uum.edu.my

smatb2017



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.